



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN SELASA, 25 FEBRUARI 2025



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



25/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<b>REMAJA PEREMPUAN DUA KALI GANDA BERISIKO MURUNG - NORAINI</b>		NEUTRAL
	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2395966">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2395966</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/02/24/remaja-perempuan-2-kali-ganda-berisiko-murung/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/02/24/remaja-perempuan-2-kali-ganda-berisiko-murung/</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/02/24/teenage-girls-twice-as-likely-to-face-depression-says-deputy-minister/167843">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/02/24/teenage-girls-twice-as-likely-to-face-depression-says-deputy-minister/167843</a>	MALAYMAIL.COM	
	<a href="https://thesun.my/malaysia-news/teenage-girls-twice-as-likely-to-experience-depression-noraini-PH13728711">https://thesun.my/malaysia-news/teenage-girls-twice-as-likely-to-experience-depression-noraini-PH13728711</a>	THESUN.MY	
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/02/24/teen-girls-twice-as-likely-to-face-depression-as-boys/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/02/24/teen-girls-twice-as-likely-to-face-depression-as-boys/</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	<a href="https://www.bernama.com/en/news.php?id=2395986">https://www.bernama.com/en/news.php?id=2395986</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/252889/teenage-girls-twice-as-likely-to-face-depression-says-noraini/">https://www.dailyexpress.com.my/news/252889/teenage-girls-twice-as-likely-to-face-depression-says-noraini/</a>	DAILYEXPRESS.COM.MY	
BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	<b>TIADA TASKA GISBH MASIH BEROPERASI</b>		POSITIF
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/02/24/tiada-taska-gisbh-masih-beroperasi/">https://www.kosmo.com.my/2025/02/24/tiada-taska-gisbh-masih-beroperasi/</a>	KOSMO.COM.MY	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/714506/berita/nasional/tiada-taska-gisbh-beroperasi-13-kanak-kanak-masih-dalam-jagaan-jkm---noraini">https://www.sinarharian.com.my/article/714506/berita/nasional/tiada-taska-gisbh-beroperasi-13-kanak-kanak-masih-dalam-jagaan-jkm---noraini</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1190588/taska-gisbh-tidak-beroperasi-sehingga-kini">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1190588/taska-gisbh-tidak-beroperasi-sehingga-kini</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2025/02/1179794/no-gisb-nurseries-operating-13-children-remain-jkm-care">https://www.nst.com.my/news/nation/2025/02/1179794/no-gisb-nurseries-operating-13-children-remain-jkm-care</a>	NST.COM.MY	
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/02/24/no-gisbh-nurseries-operating-13-children-still-in-jkm-custody-says-noraini">https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/02/24/no-gisbh-nurseries-operating-13-children-still-in-jkm-custody-says-noraini</a>	THESTAR.COM.MY	
	<a href="https://malaysiagazette.com/2025/02/24/taska-gisbh-tidak-lagi-beroperasi-sehingga-kini-noraini/">https://malaysiagazette.com/2025/02/24/taska-gisbh-tidak-lagi-beroperasi-sehingga-kini-noraini/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



25/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	<b>RAKYAT MALAYSIA ALAMI MASALAH KESUBURAN</b>		NEUTRAL
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/714351/suara-sinar/lidah-pengarang/rakyat-malaysia-alami-masalah-kesuburan">https://www.sinarharian.com.my/article/714351/suara-sinar/lidah-pengarang/rakyat-malaysia-alami-masalah-kesuburan</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://therakyatinsight.com/kadar-kesuburan-di-malaysia-naik-ke-1-7-namun-masih-di-bawah-paras-penggantian/">https://therakyatinsight.com/kadar-kesuburan-di-malaysia-naik-ke-1-7-namun-masih-di-bawah-paras-penggantian/</a>	THERAKYATINSIGHT.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	<b>SERANGAN SEKSUAL KANAK-KANAK: SEMUA PIHAK DISERU AMAL KAWAL SELIA KENDIRI DALAM PELAPORAN - CMCF</b>		POSITIF
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/serangan-seksual-kanakkanak-semua-pihak-diseru-amal-kawal-selia-kendiri-dalam-pelaporan-cmcf-509922">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/serangan-seksual-kanakkanak-semua-pihak-diseru-amal-kawal-selia-kendiri-dalam-pelaporan-cmcf-509922</a>	ASTROAWANI.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	<b>LAPORAN TERKINI CETUS KEBIMBANGAN: KESELAMATAN KANAK-KANAK, STIGMA TERHADAP OKU</b>		NEUTRAL
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/laporan-terkini-cetus-kebingangan-keselamatan-kanakkanak-stigma-terhadap-oku-509884">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/laporan-terkini-cetus-kebingangan-keselamatan-kanakkanak-stigma-terhadap-oku-509884</a>	ASTROAWANI.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	<b>SEDIA PERSEKITARAN SELAMAT UNTUK WANITA, KANAK-KANAK - ANFAAL SAARI</b>		POSITIF
	<a href="https://www.suarakeadilan.my/post/sedia-persekitaran-selamat-untuk-wanita-kanak-kanak-anfaal-saari">https://www.suarakeadilan.my/post/sedia-persekitaran-selamat-untuk-wanita-kanak-kanak-anfaal-saari</a>	SUARAKEADILAN.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



25/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	<b>WHAT WILL HAPPEN TO MY DISABLED CHILD WHEN I AM GONE?</b>		NEUTRAL
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/opinion/2025/02/24/what-will-happen-to-my-disabled-child-when-i-am-gone/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/opinion/2025/02/24/what-will-happen-to-my-disabled-child-when-i-am-gone/</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/252846/what-will-happen-to-my-disabled-child-when-i-am-gone-/">https://www.dailyexpress.com.my/news/252846/what-will-happen-to-my-disabled-child-when-i-am-gone-/</a>	DAILYEXPRESS.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	<b>IBU TUNGGAL MISKIN TEGAR DI PERMATANG PASIR TERIMA BANTUAN DARIPADA PM ANWAR</b>		POSITIF
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ibu-tunggal-miskin-tegar-di-permatang-pasir-terima-bantuan-daripada-pm-anwar-509952">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ibu-tunggal-miskin-tegar-di-permatang-pasir-terima-bantuan-daripada-pm-anwar-509952</a>	ASTROAWANI.COM	
	<a href="https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2395911">https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2395911</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://thesun.my/malaysia-news/pm-anwar-extends-donation-to-poor-single-mother-in-permatang-pasir-IH13728101">https://thesun.my/malaysia-news/pm-anwar-extends-donation-to-poor-single-mother-in-permatang-pasir-IH13728101</a>	THESUN.MY	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/714507/edisi/utara/pm-bantu-ibu-tunggal-miskin-tegar-di-permatang-pasir">https://www.sinarharian.com.my/article/714507/edisi/utara/pm-bantu-ibu-tunggal-miskin-tegar-di-permatang-pasir</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://bernama.com/bm/news.php?id=2395886">https://bernama.com/bm/news.php?id=2395886</a>	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	<b>TIKTOK SEKAT 23 AKAUN BERKAIT LAPORAN KES CABUL BUDAK DI MASJID</b>		NEUTRAL
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/02/24/tiktok-sekat-23-akaun-berkait-laporan-kes-cabul-budak-di-masjid/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/02/24/tiktok-sekat-23-akaun-berkait-laporan-kes-cabul-budak-di-masjid/</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/735517">https://www.malaysiakini.com/news/735517</a>	MALAYSIAKINI.COM	
	<a href="https://www.businesstoday.com.my/2025/02/24/tiktok-blocks-media-accounts-over-mosque-molestation-case-reports/">https://www.businesstoday.com.my/2025/02/24/tiktok-blocks-media-accounts-over-mosque-molestation-case-reports/</a>	BUSINESSTODAY.COM.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



25/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	<a href="https://www.therakyatpost.com/trpbm/viral/2025/02/24/beber-apa-akaun-tiktok-media-di-malaysia-disekat-dipercayai-isu-konten-insiden-cabul-di-masjid/">https://www.therakyatpost.com/trpbm/viral/2025/02/24/beber-apa-akaun-tiktok-media-di-malaysia-disekat-dipercayai-isu-konten-insiden-cabul-di-masjid/</a>	THERAKYATPOST.COM	
	<a href="https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news_bajet.php/news.php?id=2395670">https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news_bajet.php/news.php?id=2395670</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://malaysiagazette.com/2025/02/24/23-akaun-tiktok-organisasi-media-disekat-fahmi/">https://malaysiagazette.com/2025/02/24/23-akaun-tiktok-organisasi-media-disekat-fahmi/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/02/24/mcmc-mahu-penjelasan-tiktok-sekatan-18-akaun-media/">https://www.kosmo.com.my/2025/02/24/mcmc-mahu-penjelasan-tiktok-sekatan-18-akaun-media/</a>	KOSMO.COM.MY	
	<a href="https://sabahmedia.com/2025/02/24/skmm-kini-berhubung-dengan-tiktok-ekoran-isu-sekatan-akaun-organisasi-media/">https://sabahmedia.com/2025/02/24/skmm-kini-berhubung-dengan-tiktok-ekoran-isu-sekatan-akaun-organisasi-media/</a>	SABAHMEDIA.COM	
	<a href="https://www.dagangnews.com/article/terkini/mcmc-menghubungi-tiktok-berkaitan-penyekatan-akaun-18-organisasi-media-malaysia-48588">https://www.dagangnews.com/article/terkini/mcmc-menghubungi-tiktok-berkaitan-penyekatan-akaun-18-organisasi-media-malaysia-48588</a>	DAGANGNEWS.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	<b>PSD ANTARA LANGKAH LINDUNGI OKU DI STESEN LRT, MONOREL</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1190399/psd-antara-langkah-lindungi-oku-di-stesen-lrt-monorel">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1190399/psd-antara-langkah-lindungi-oku-di-stesen-lrt-monorel</a>	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	<b>LELAKI OKU MAUT JATUH REL: BUKAN DISEBABKAN KEGAGALAN SISTEM</b>		<b>NEUTRAL</b>
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/02/24/lelaki-oku-maut-jatuh-rel-bukan-disebabkan-kegagalan-sistem/">https://www.kosmo.com.my/2025/02/24/lelaki-oku-maut-jatuh-rel-bukan-disebabkan-kegagalan-sistem/</a>	KOSMO.COM.MY	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/714457/berita/nasional/oku-maut-jatuh-landasan-lrt-bukan-disebabkan-kegagalan-sistem">https://www.sinarharian.com.my/article/714457/berita/nasional/oku-maut-jatuh-landasan-lrt-bukan-disebabkan-kegagalan-sistem</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/oku-maut-di-stesen-lrt-loke-nafi-sistem-pies-gagal-berfungsi-509908">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/oku-maut-di-stesen-lrt-loke-nafi-sistem-pies-gagal-berfungsi-509908</a>	ASTROAWANI.COM	
	<a href="https://malaysiagazette.com/2025/02/24/kegagalan-sistem-bukan-punca-oku-buta-maut-di-stesen-lrt-titiwangsa/">https://malaysiagazette.com/2025/02/24/kegagalan-sistem-bukan-punca-oku-buta-maut-di-stesen-lrt-titiwangsa/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM	



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



25/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=il8Zrk001fw">https://www.youtube.com/watch?v=il8Zrk001fw</a>	YOUTUBE	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1190492/oku-maut-di-stesen-lrt-loke-nafi-sistem-pies-gagal-berfungsi">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1190492/oku-maut-di-stesen-lrt-loke-nafi-sistem-pies-gagal-berfungsi</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/02/lelaki-oku-maut-jatuh-rel-lrt-bukan-disebabkan-kegagalan-sistem-keselamatan/">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/02/lelaki-oku-maut-jatuh-rel-lrt-bukan-disebabkan-kegagalan-sistem-keselamatan/</a>	UTUSAN.COM.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Remaja Perempuan Dua Kali Ganda Berisiko Murung – Noraini

🕒 24/02/2025 07:16 PM



Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Dr Noraini Ahmad (tengah) menyempurnakan gimik perasmian Majlis Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025 Peringkat Zon Selatan di Aeon Mall Bandar Dato Onn hari ini. Turut hadir (dari kanan) Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Dr Maziah Che Yusoff, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita Keluarga dan Komuniti Melaka, Datuk Kalsom Nordin, Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Pemantauan Projek dan Kesejahteraan Rakyat), Norliyati Md. Nor dan Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita Hanani Sapit. -- fotoBERNAMA (2025) HAK CIPTA TERPELIHARA

JOHOR BAHRU, 24 Feb (Bernama) -- Golongan remaja perempuan Malaysia berdepan dengan risiko menghidap masalah kesihatan berkaitan mental termasuk kemurungan, dua kali ganda lebih tinggi berbanding remaja lelaki, kata Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Dr Noraini Ahmad.

Beliau berkata ia dibuktikan berdasarkan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2022 yang menunjukkan 26.9 peratus remaja memenuhi kriteria kemurungan, dengan prevalens lebih tinggi dalam kalangan perempuan iaitu 36.1 peratus berbanding lelaki hanya 17.7 peratus.

"Angka ini menunjukkan wanita berisiko dua kali ganda lebih murung daripada lelaki. Ini antara gambaran cabaran yang dihadapi wanita masa kini," katanya berucap pada Majlis Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025 Peringkat Zon Selatan di sini hari ini.

Beliau berkata program 'Jiwa Kuat, Wanita Sihat' sempena sambutan itu diharap dapat memupuk kekuatan jiwa dan kesihatan yang baik kepada golongan wanita supaya mereka terus dapat berdaya saing dan menyumbang bakti kepada keluarga, masyarakat dan negara.

Noraini berkata Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) komited melaksanakan pelbagai usaha bagi membantu wanita dalam aspek kesihatan termasuk menguruskan tekanan dan mencapai keseimbangan dalam kehidupan.

"Program sokongan psikososial, kaunseling dan inisiatif kesihatan mental juga diperluas agar semua wanita, tanpa mengira latar belakang mendapat bantuan sewajarnya, selari dengan konsep Kerajaan MADANI yang sentiasa memastikan hak dan kebajikan wanita sentiasa terbelas," katanya.

Sementara itu bercakap kepada pemberita, Noraini berkata tiada mana-mana taska yang dahulunya dikendalikan GISB Holdings Sdn Bhd (GISBH) bagi menempatkan anak-anak pengikut pertubuhan itu, beroperasi setakat ini.

Beliau berkata sehingga kini terdapat 13 anak bekas anggota GISBH yang berusia bawah 18 tahun masih berada di bawah jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), termasuk yang dikembalikan penjaga kepada agensi itu.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Tiada taska GISBH masih beroperasi

Oleh KHAIRUL MOHD. ALI 24 Februari 2025, 6:23 pm



NORAINI (dua dari kiri) melawat gerai sempena Majlis Hari Wanita Antarabangsa 2025 Peringkat Zon Selatan di Aeon Mall Bandar Dato' Onn, Johor Bahru hari ini. - Foto oleh BAZLAN IBRAHIM / KOSMO!

JOHOR BAHRU – Tiada taska yang dahulunya dikendalikan GISB Holdings Sdn. Bhd. (GISBH) bagi menempatkan anak-anak pengikut pertubuhan itu masih beroperasi ketika ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Datuk Seri Noraini Ahmad berkata, setakat ini terdapat seramai 13 anak bekas anggota pertubuhan itu yang masih berada bawah jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Tiada sebarang taska berkaitan GISBH yang masih beroperasi ketika ini, tiada. Sebaliknya hanya 13 anak-anak berusia bawah 18 tahun yang telah diselamatkan masih berada bawah jagaan kita.

"Mereka semua ditempatkan di rumah perlindungan JKM dan bersekolah seperti kanak-kanak biasa," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025 Peringkat Zon Selatan di Bandar Dato' Onn, di sini hari ini.

Tambah Noraini, ada antara 13 kanak-kanak itu telah diserahkan kepada penjaga yang merupakan ahli keluarga namun dikembalikan untuk kekal bawah jagaan JKM.

Sementara itu, dalam ucapannya beliau memberitahu remaja perempuan di negara ini berdepan risiko menghadapi masalah kesihatan mental sehingga dua kali ganda berbanding remaja lelaki.

"Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023 merekodkan kira-kira 4.6 peratus atau satu juta remaja yang berusia 15 tahun ke atas di negara ini mengalami kemurungan," katanya. – KOSMO! ONLINE

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Rakyat Malaysia alami masalah kesuburan

 SUARA SINAR

24 Februari 2025 09:00am



Kadar Kesuburan Jumlah (TFR) di Malaysia dilaporkan menunjukkan penurunan sejak tahun 2013.

KADAR Kesuburan Jumlah (TFR) di Malaysia dilaporkan menunjukkan penurunan sejak tahun 2013, seperti yang dimaklumkan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri di Dewan Rakyat baru-baru ini.

Bagaimanapun TFR Malaysia buat kali pertama dalam tempoh itu telah menunjukkan peningkatan 0.1 kepada 1.7 pada tahun 2023 berbanding TFR 1.6 pada tahun sebelumnya.

Secara keseluruhan, menurut data 2024 ESCAP Population Data Insight menunjukkan kebanyakan negara di Asia Pasifik mencatatkan TFR di bawah 2.1, iaitu paras penggantian populasi.

Penurunan kadar kelahiran ini memberi kesan besar kepada negara, termasuk masalah populasi menua dan kekurangan tenaga kerja dalam jangka panjang. Jika tidak ditangani segera, ia boleh menjejaskan pembangunan ekonomi dan sosial negara.

Tidak dinafikan salah satu punca utama penurunan kadar kelahiran ialah peningkatan kos sara hidup pada masa kini. Justeru tidak hairanlah apabila semakin ramai pasangan muda yang memilih untuk tidak mempunyai anak ramai kerana bimbang dengan masalah kewangan.

Perkara ini turut menyumbang kepada berlakunya pasangan muda yang memilih untuk tidak mempunyai anak langsung atau sehingga benar-benar telah bersedia. Ketika sudah bersedia, mungkin sudah terlambat untuk mempunyai ramai anak.

Selain itu golongan wanita lebih cenderung melanjutkan pelajaran dan mengutamakan kerjaya daripada bergelar seorang ibu.

Untuk mengatasi masalah ini, kerajaan boleh mempertimbangkan untuk memberikan lebih banyak insentif kepada keluarga muda seperti subsidi penjagaan anak, potongan cukai istimewa dan sokongan kepada ibu bapa bekerja.

Kempen kesedaran mengenai kesuburan dan gaya hidup sihat juga perlu diperluaskan, seperti yang telah dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara melalui Program Galakan Perkahwinan dan perkhidmatan berkaitan kesuburan.

Masyarakat juga perlu lebih terbuka dalam mendapatkan nasihat mengenai kesuburan. Ia bukanlah sesuatu yang memalukan, tetapi langkah penting bagi memastikan kesejahteraan keluarga dan masa depan negara. Ingatlah, setiap daripada anak itu, ada rezekinya.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Serangan seksual kanak-kanak: Semua pihak diseru amal kawal selia sendiri dalam pelaporan - CMCF

Astro Awani

24/02/2025 18:15 MYT



CMCF menegaskan kepentingan mematuhi garis panduan etika bagi mengelakkan pendedahan maklumat sensitif. - Gambar hiasan

**KUALA LUMPUR:** Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF) melahirkan kebimbangan dengan laporan berhubung kes serangan seksual terhadap seorang kanak-kanak, terutamanya dalam cara identiti dan ciri-ciri individu yang terlibat dilaporkan.

Justeru, CMCF menyeru semua pihak memainkan peranan dalam menguatkuasakan kawal selia sendiri serta memastikan pelaporan yang lebih bertanggungjawab dalam media dan platform digital.

CMCF menegaskan kepentingan mematuhi garis panduan etika bagi mengelakkan pendedahan maklumat sensitif yang boleh menjejaskan maruah mangsa atau menyumbang kepada stigma.

Pihak berkuasa turut disarankan agar memastikan kenyataan awam mematuhi garis panduan etika dengan mengelakkan pendedahan maklumat sensitif yang boleh menjejaskan maruah mangsa atau menyumbang kepada stigma," katanya dalam kenyataan di sini, pada Isnin.

"Pengamal media juga kata CMCF perlu memastikan identiti mangsa kanak-kanak dilindungi selain mengelakkan daripada mensensasikan ciri-ciri yang tidak berkaitan, termasuk ketidakupayaan.

CMCF turut menekankan peranan pengguna media sosial dalam mengamalkan kebijaksanaan ketika berkongsi kandungan agar tidak menyebarkan kemudaratan atau stigma terhadap individu dan masyarakat yang terkesan.

Sementara itu, orang awam digesa untuk memainkan peranan aktif dalam kawal selia sendiri dengan melaporkan kandungan yang melanggar piawaian etika serta menyokong amalan media yang bertanggungjawab.

Sebagai badan yang mengawal selia sendiri, CMCF menegaskan komitmennya untuk terus bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan dalam mewujudkan ekosistem kandungan yang selamat, menghormati, dan bertanggungjawab.

CMCF turut menyatakan kesediaan untuk menyokong pengamal media, pihak berkuasa, dan orang awam menerusi pendidikan, panduan, dan dialog terbuka.

"Kerjasama daripada semua pihak adalah kunci utama dalam memastikan pelaporan yang lebih bertanggungjawab serta dapat membentuk masyarakat yang lebih prihatin dan peka terhadap etika dalam penyebaran maklumat," tambah kenyataan itu.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Laporan terkini cetus kebimbangan: Keselamatan kanak-kanak, stigma terhadap OKU

Kenyataan Media  
24/02/2025 13:10 MYT

### CONTENT FORUM

*Forum Kandungan (Content Forum) berpandangan, tindakan menghebahkan dengan sensasi status OKU pelaku dalam kes serangan seksual terhadap kanak-kanak baru-baru ini menyumbang kepada stereotaip yang memudaratkan komuniti OKU.*

**KUALA LUMPUR:** Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF) melahirkan kebimbangan serius mengenai liputan berita baru-baru ini berhubung kes serangan seksual terhadap seorang kanak-kanak, terutamanya dalam cara identiti dan ciri-ciri individu yang terlibat dilaporkan.

Dua isu kritikal telah timbul daripada liputan kes ini:

#### 1. Penyebaran Visual Kanak-Kanak

Beberapa laporan telah menyertakan visual yang boleh membawa kepada pengecaman mangsa kanak-kanak. Walaupun niat mungkin hanya untuk melaporkan, pendedahan sebegini boleh menyebabkan trauma berpanjangan dan melanggar hak kanak-kanak terhadap privasi dan perlindungan. Kod Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Kod Kandungan) menekankan bahawa sebarang kandungan yang melibatkan kanak-kanak mesti mengutamakan kebajikan mereka dan mengelakkan sebarang bentuk eksploitasi, termasuk melalui imej atau deskripsi yang boleh mendedahkan identiti atau membahayakan mereka. Ini bukan sekadar isu etika tetapi juga soal menjaga maruah dan kesejahteraan masa depan individu yang terdedah.

#### 2. Stigmatisasi Komuniti Orang Kurang Upaya (OKU)

Menghebahkan dengan sensasi status OKU pelaku telah menyumbang kepada stereotaip yang memudaratkan komuniti OKU. Adalah penting untuk memahami bahawa ketidakupayaan tidak sinonim dengan tingkah laku jenayah, dan laporan yang tidak bertanggungjawab boleh memperdalam stigma sedia ada, menjejaskan ramai individu yang sudah pun terpinggir. Laporan yang seimbang seharusnya menumpukan kepada fakta kes tanpa mensensasikan ciri-ciri yang tidak berkaitan dengan jenayah itu sendiri. Gambaran sebegini berisiko mengasingkan lagi komuniti yang masih giat berjuang untuk hak dan peluang yang sama rata.

Selain isu etika, pelaporan yang tidak bertanggungjawab juga berisiko melanggar perlindungan undang-undang Malaysia, termasuk yang menjaga privasi dan maruah kanak-kanak serta komuniti yang terpinggir.

#### Komitmen Bersama untuk Kandungan Bertanggungjawab

Menggalakkan pelaporan yang bertanggungjawab dan melindungi komuniti yang terdedah adalah tanggungjawab bersama. Kod Kandungan, yang dibangunkan melalui pendekatan berbilang pihak berkepentingan, mencerminkan komitmen kolektif industri, pencipta kandungan, dan masyarakat untuk menegakkan piawaian etika dalam penyebaran kandungan. Hanya melalui kewaspadaan bersama kita dapat memastikan landskap media mencerminkan nilai keadilan, empati, dan akauntabiliti.

"Di sebalik setiap tajuk berita, ada insan sebenar—seorang kanak-kanak, sebuah keluarga, dan sebuah komuniti. Jika laporan tidak dikendalikan dengan penuh tanggungjawab, kesannya boleh berlarutan jauh melangkaui kitaran berita. Tiada kanak-kanak yang patut dikenali identitinya, dan tiada komuniti yang patut menerima stigma hanya kerana cara sesuatu cerita disampaikan," kata Mediha Mahmood, Ketua Pegawai Eksekutif Content Forum. "Kita perlu sentiasa peka terhadap kesan laporan terhadap kehidupan sebenar dan memastikan cara kita menyampaikan cerita membawa lebih banyak kebaikan daripada kemudaratan."

#### Seruan Tindakan

CMCF menyeru semua pihak untuk memainkan peranan dalam menguatkuasakan kawalselia sendiri dan memastikan pelaporan yang lebih bertanggungjawab:

- Pihak berkuasa memastikan kenyataan awam mereka mematuhi garis panduan etika dengan mengelakkan pendedahan maklumat sensitif yang boleh menjejaskan maruah mangsa atau menyumbang kepada stigma.
- Pengamal media melindungi identiti mangsa kanak-kanak dan mengelakkan mensensasikan ciri-ciri yang tidak berkaitan, termasuk ketidakupayaan.
- Pengguna media sosial mengamalkan kebijaksanaan apabila berkongsi kandungan, memastikan ia tidak menyebarkan kemudaratan atau stigma.
- Orang awam memainkan peranan aktif dalam kawalselia sendiri dengan melaporkan kandungan yang melanggar piawaian etika dan menyokong amalan media yang bertanggungjawab.

CMCF kekal komited untuk bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan bagi mewujudkan ekosistem kandungan yang selamat, menghormati, dan bertanggungjawab. Kami bersedia menyokong pengamal media, pihak berkuasa, dan orang awam dalam menegakkan piawaian ini melalui pendidikan, panduan, dan dialog terbuka.

Untuk maklumat lanjut atau panduan mengenai amalan pelaporan yang beretika, sila hubungi Content Forum di [secretariat@contentforum.my](mailto:secretariat@contentforum.my).

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Sedia persekitaran selamat untuk wanita, kanak-kanak - Anfaal Saari



Oleh: Azuan Ab Rahman

Semua pihak digesa menyediakan persekitaran yang selamat khususnya kepada wanita dan kanak-kanak di semua kawasan.

Gesaan itu disuarakan Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat negeri Selangor Anfaal Saari dalam satu kenyataan susulan insiden cabul terhadap seorang kanak-kanak perempuan dalam sebuah masjid di Batang Kali minggu lalu.

Prihatin dengan nasib kanak-kanak berkenaan, beliau turut meminta Jabatan Kebajikan Masyarakat memberi khidmat kaunseling percuma kepada mangsa untuk menangani trauma.

"Saya kesal dengan kenyataan sesetengah pihak yang menyatakan bahawa wanita sepatutnya hanya solat di rumah.

"Sebaliknya, kita perlu menyediakan persekitaran yang selamat untuk wanita dan kanak-kanak, bukan menghalang terus mereka daripada keluar rumah.

"Semoga mangsa berada dalam keadaan yang sihat dan sejahtera daripada segenap aspek sama ada fizikal, mental, emosi mahupun spiritual. Semoga masjid serta seluruh Selangor menjadi tempat yang selamat untuk semua," kata ADN Taman Templer itu dalam satu kenyataan.

Pada 21 Februari lalu, tular di media sosial insiden cubaan merogol kanak-kanak perempuan dalam ruang solat jemaah wanita di Masjid Jamek sekitar waktu Subuh.

Susulan itu, lelaki warga tempatan berusia 19 tahun yang disyaki mencabul mangsa ditahan pada hari sama dan kini direman tujuh hari sehingga 28 Februari.

Suspek yang disahkan memiliki kad Orang Kurang Upaya (OKU) masalah pembelajaran direman mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017.

Anfaal sementara itu menggesa masyarakat untuk tidak mempunyai stigma negatif terhadap golongan orang kurang upaya (OKU) susulan kes ini.

Bagaimanapun tegasnya, kad OKU tidak mengecualikan pelaku daripada dikenakan tindakan bahkan percaya polis melakukan siasatan yang terbaik untuk memastikan keadilan tertegak.

"Semua pihak perlu melakukan usaha untuk menjaga golongan OKU seperti itu supaya mereka tidak melakukan sesuatu yang membahayakan diri sendiri dan orang lain atas ketidakwarasan mereka.

"Insya-Allah, dengan tertubuhnya Yayasan Insan Istimewa Selangor (YANIS) pada tahun ini, Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk melebarkan lagi inisiatif untuk golongan OKU yang mencakupi juga OKU dewasa dan memberi manfaat kepada pelbagai lagi kategori OKU," katanya lagi.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## What will happen to my disabled child when I am gone?

Letter to the Editor - 24 Feb 2025, 09:07 AM  
Supporting adults with diverse disabilities for dignified living.



From 164 parents and professionals from the National Family Support Group for Children and People with Special Needs

One major concern for parents of children with disabilities is the uncertainty of their child's future after their death, particularly for those with high support needs. In Malaysia, there is a growing awareness of this issue, but national support mechanisms are still lacking, placing much responsibility on parents, family support networks, and civil society organisations (CSOs).

Children with disabilities typically navigate five key stages in life, each presenting unique challenges. The first stage involves parents recognising developmental concerns and seeking diagnosis and therapeutic support.

The second stage occurs during preschool, for the development of school readiness and communication skills.

The third stage involves formal schooling, ideally in an inclusive environment where the child learns together with peers. The fourth stage presents the challenging transition to university, vocational training, or employment training.

Difficult as all these stages are, the fifth is the hardest to face, especially for families of persons with disabilities (PWDs) with high support needs who require life-long care.

Outcomes for PWDs vary widely. Some gain functional skills with ongoing training and therapy, achieving full inclusion into society. Others may acquire the ability for independent living and be fully employed in the marketplace but struggle to attain a meaningful social and community life. Yet others require sheltered employment and assisted living. Finally, some require life-long support for daily living tasks.

These last two groups of PWDs are the ones that need the most support. They keep their parents awake at night wondering and asking themselves: "What will happen to my child when I am gone?"

### Painful question with no easy answers

There are no easy answers to this painful question. Government, private and NGO-run facilities for the long-term, residential care of PWDs who require life-long support are few and often limited in quality. Not all parents have the financial resources to secure their child's future. Not all families have relatives willing or able to shoulder this responsibility when parents die.

While it is necessary for parents and families to plan ahead to ensure that their child's needs and wishes are met, they cannot do this alone. A strong support system – from both the community and the government – is essential. For many families, preparing for the future of a disabled child is not only overwhelming but deeply emotional, made even harder by the uncertainty of available resources and care.

### Current options

1. Family caregiving – Often, siblings or relatives take on the caregiving role. However, this should be a voluntary choice supported by community resources, therapists, social workers, NGOs, and government financial aid.
2. Residential care facilities – Although an option, they are often not ideal. Private facilities are costly and may lack proper maintenance, while government-run facilities, such as the Taman Sinar Harapan institutions, often face suboptimal conditions. Some families resort to senior care homes for long-term care, though these are not suitable for PWDs due to variable quality and a lack of understanding of their needs.
3. Group homes – Some families are working with CSOs to set up group homes with trust funds and dedicated carers. These initiatives aim to create a more supportive living environment for PWDs with high support needs.

### Better options for independent and assisted living

1. Ideally, PWDs should be able to live independently in their own home/apartment without major support. This is the most feasible for those with low to moderate support needs.
2. Some may live independently but require occasional assistance from care partners or personal assistants – whether government-paid professionals or family members – to assist with specific tasks such as household chores, banking, grocery shopping, vacations, etc.
3. Others may choose to live at home, initially with parents and later with siblings or their extended family. Those with financial means may also hire a part-time or live-in personal assistant for additional support.
4. When the above options are not available, PWDs may live in a group home, ideally with access to a care partner or personal assistant.

Note that assisted living implies maintaining a home setting with as much independence as possible while providing the necessary support for some activities of daily living, as well as medical care and financial transactions when needed.

### What do adult PWDs with high support needs and their families need from the government?

While many countries have developed government-mandated services that routinely support all PWDs, Malaysia seriously lags behind its neighbours. For far too long, much of the responsibility of long-term care has fallen on the shoulders of parents, families and NGOs. It is time that both the community and the government take shared responsibility. Relying solely on the understaffed welfare department is not a sustainable solution. What is required is a series of strong initiatives:

### 1. Accessible infrastructure and assisted living facilities

Malaysia needs to invest in extensive infrastructure and assisted living facilities built with universal design principles. More importantly, we need to generate right-hearted persons as care partners – people who provide consistent, dignified support for PWDs with high support needs in long-term assisted living facilities. We must avoid creating institutions but instead develop caring communities and assisted living facilities where PWDs can live with dignity and autonomy.

### 2. Assistance for independent living

PWDs capable of working, whether in open employment jobs (part-time or full-time) or sheltered employment, require support from care partners or personal assistants for independent living. Having support with activities of daily living ensures their well-being and ability to perform in their jobs. This not only enhances financial independence for PWDs but also alleviates the economic strain on their families.

### 3. Affordable and ethical assisted living services

The government must exponentially increase the availability of professional, ethical and affordable personal assistant and assisted living services that are state-funded for PWDs and their family care partners.

### 4. Accessible and affordable housing

Independent living must be supported through affordable and accessible housing options. These housing developments should be well-integrated with accessible public transport systems, pedestrian-friendly walkways, and community spaces, ensuring that PWDs can move freely and participate fully in society.

### 5. Comprehensive community support services

Accessible community facilities, disability-inclusive healthcare services, affordable assistive devices and equipment, financial aid, disability-inclusive community events and many more – all go a long way to alleviating the weight of care and creating a more inclusive society where PWDs lead meaningful lives with dignity.

### 6. Inclusive financial services

Banking and financial services must be made fully accessible, catering to the diverse needs of PWDs so that they have greater financial autonomy. This includes adjustments for individuals with differences in physical movements, information processing, and communication abilities.

### 7. Autonomy and supported decision-making

Legal provisions should ensure that PWDs have greater control and autonomy over their lives, especially persons with intellectual, cognitive and psychosocial disabilities. This includes the implementation of state-operated trust-funds with healthcare coverage, supported or shared decision-making frameworks, and lasting power of attorney.

### The need for systemic change

Many of these initiatives need to be mandated through ensuring that support for PWDs and their care partners becomes a routine governmental responsibility rather than an afterthought. More importantly, society as a whole must unlearn and relearn what they know about disability and persons with disabilities from the perspective of a rights-based model of disability and disability-inclusion. No longer an "us-and-them" attitude that perpetuates social exclusion, but a wholesome community that embraces and enhances all diversity in society.

In our endeavour to create meaningful change in the long-term outcomes of PWDs, we must always prioritise their choices and autonomy.

As far as possible, we should enable them to decide how they want to live their lives. We should respect the rights, dignity and personal decisions of PWDs while ensuring their full integration into the community.

As parents, our biggest wish before we leave this world is to know that our children have a secure future where their long-term needs are met.

We hope the government will wake up to this urgent need that affects a large segment of the population, and implement the long-overdue legislation and services necessary to support PWDs. As parents of children with disabilities, we want to die in peace.

The National Family Support Group for Children and People with Special Needs is an NGO that supports the parents of children with disabilities.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK : SYOR TUBUH AKADEMI KESENIAN TINGKAT TARAF HIDUP OKU

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 25 FEB 2025

M/SURAT : 22

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK



Isaiah (kiri) diiringi Rosli menyampaikan beg sekolah kepada pelajar istimewa pada program Back To School sempena Majlis Kasih Mesra Ke-11 Persatuan Bunga-Bunga Syurga (BBS) Down Syndrome di Bayan Lepas, Pulau Pinang, baru-baru ini. (Foto ihsan BBS)

## Syor tubuh akademi kesenian tingkat taraf hidup OKU

Sebuah akademi kesenian akan ditubuhkan untuk golongan orang kurang upaya (OKU) untuk memberi latihan khusus mengikut bakat dan kemahiran insan istimewa, sekali gus mampu meningkatkan sosioekonomi golongan berkenaan.

Ahli Dewan Negara mewakili golongan OKU, Senator Isaiah Jacob, berkata pihaknya akan bekerjasama dengan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) serta Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) bagi mencari bakat dalam kalangan OKU.

"Kami harap bakat golongan ini tidak disia-siakan dan tidak mahu golongan ini hanya bergantung kepada bantuan kebajikan daripada kerajaan. Dengan latihan dan kemahiran, OKU mempunyai masa depan lebih cerah, sekali gus dapat meningkatkan taraf hidup," katanya.

Isaiah berkata demikian selepas menyampaikan sumbangan beg sekolah pada program Back To

School sempena Majlis Kasih Mesra Ke-11 Persatuan Bunga-Bunga Syurga (BBS) Down Syndrome di Bayan Lepas, Pulau Pinang baru-baru ini yang turut dihadiri pengurus persatuan berkenaan, Rosli Yacop.

Menurutnya, antara kemahiran atau bakat yang akan dilatih khusus, antaranya muzik, kraf tangan, nyanyian, melukis dan juga bidang persolekan.

Bagi merealisasikan penubuhan akademi kesenian berkenaan, perbincangan sedang dijalankan dengan Persatuan Karyawan Malaysia (Karyawan) dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) yang dijangka dimuktamadkan April ini.

Tahun lalu, Isaiah berkata, sekumpulan OKU menyertai program pendek dengan 16 daripada 22 mereka telah diserapkan dalam industri perhotelan.

"Kita akan berusaha mendapatkan dana bagi membiayai latihan, termasuk menggunakan

kemudahan disediakan bagi latihan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Jika dana tidak cukup, kami akan cuba dapatkan sumbangan syarikat atau korporat," katanya.

### Cadang NGO bergabung

Sementara itu, Isaiah juga menyenaraikan persatuan bukan kerajaan (NGO) sindrom down berdaftar di seluruh negara bergabung dan menubuhkan Majlis Kebangsaan Sindrom Down Malaysia.

Beliau berkata, platform berkenaan akan membolehkan semua pihak berkongsi idea dalam merangka masa depan pendidikan, dasar serta pekerjaan untuk golongan istimewa ini.

"Jika semua persatuan bersatu hati, suara akan lebih kuat dan lebih mudah untuk dibawa ke Kabinet bagi menyuarakan kebajikan dan keperluan, seterusnya dapat memela nasib golongan istimewa di negara ini," katanya.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Ibu tunggal miskin tegar di Permatang Pasir terima bantuan daripada PM Anwar

Bernama  
24/02/2025 19:15 MYT



*Bantuan berupa wang tunai itu disampaikan oleh Setiausaha Politik Perdana Menteri Datuk Ahmad Farhan Fauzi. - Foto FB Anwar Ibrahim*

**KUALA LUMPUR:** Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim terus menunjukkan keprihatinannya terhadap rakyat dengan menghulurkan sumbangan kepada seorang ibu tunggal, Azizah Din, 79 tahun, yang tergolong dalam kategori miskin tegar di Kampung Tanjung Putus, Permatang Pasir, Pulau Pinang.

Bantuan berupa wang tunai itu disampaikan oleh Setiausaha Politik Perdana Menteri Datuk Ahmad Farhan Fauzi, sebagai sebahagian daripada usaha kerajaan membasmi kemiskinan tegar di kawasan berkenaan.

"Insyaa-Allah, dengan bantuan yang tepat, Puan Azizah sekeluarga akan dapat dibantu untuk keluar daripada kelompok kemiskinan tegar.

"Perjalanan untuk keluar daripada kemiskinan tegar sudah tentu tidak mudah, tetapi dengan sokongan berterusan, saya yakin Puan Azizah mampu menikmati kehidupan yang lebih baik," kata Ahmad Farhan dalam hantaran menerusi Facebooknya hari ini, yang turut dikongsikan oleh Anwar.

Beliau turut memaklumkan bahawa usaha itu mendapat kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Zakat Pulau Pinang untuk membantu Azizah yang bergantung kepada kerusi roda untuk bergerak bagi memastikan bantuan susulan dapat disalurkan dengan kadar segera.

Ahmad Farhan berkata keprihatinan kerajaan terhadap nasib rakyat yang memerlukan sentiasa menjadi keutamaan.

"Perkara ini jelas difahami oleh YAB Perdana Menteri, bahawa terdapat keperluan mendesak untuk kita melipatgandakan usaha kita membasmi kemiskinan tegar," katanya.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	MCMC MAHU PENJELASAN TIKTOK 18 AKAUN MEDIA DISEKAT		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	BERITA HARIAN
TARIKH :	25 FEB 2025	M/SURAT :	08
TONE :	NEUTRAL	SEKTOR :	KPWKM

## MCMC mahu penjelasan TikTtok 18 akaun media diseikat

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sedang berhubung dengan TikTok bagi mendapatkan penjelasan mengenai isu 18 akaun TikTok organisasi media tempatan diseikat baru-baru ini.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil, berkata menurut maklumat awal diterimanya daripada pihak TikTok, akaun berkenaan diseikat kerana membuat laporan berkaitan kes cabul di sebuah masjid di Batang Kali, Selangor, baru-baru ini yang membabitkan seorang kanak-kanak perempuan.

“Masalahnya adalah kecerdasan buatan (AI) TikTok itu sendiri, di sini sedikit amaran, AI kadangkala dia boleh jauh tersasar, dia tak faham bahawa organisasi media pelaporannya berbeza daripada kandungan dihasilkan orang biasa.

“Jadi, saya minta supaya satu perbincangan diadakan dalam tempoh terdekat untuk memperhalusi fungsi akaun TikTok yang dimiliki media supaya tak dikenakan tindakan sedemikian pada masa depan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan kursus *AI in the Newsroom* anjuran Pertubuhan Ber-



Fahmi (tengah) bersama Arul Rajoo (kiri), Nur-ul Afida, Simon Sun dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan REDtone Digital Berhad, LauBik Soon (kanan) bersama peserta pada pelancaran kursus *AI in the Newsroom* anjuran BERNAMA di Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

ita Nasional Malaysia (BERNAMA), kursus pertama dalam siri program latihan berkaitan AI untuk profesional media.

Yang turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif BERNAMA, Datin Paduka Nur-ul Afida Kamaludin; Ketua Pengarang BERNAMA, Arul Rajoo Durar Raj dan Ketua Pegawai Eksekutif Huawei Malaysia, Simon Sun.

Difahamkan, akaun TikTok Bernamaofficial adalah di an-

tara 18 akaun milik media tempatan dikenakan sekatan itu.

Mengulas lanjut, Fahmi berkata, pelaporan berhubung kes cabul itu adalah laporan biasa seperti dibuat lazimnya oleh organisasi media dan tidak seharusnya menjadi isu.

“Pelaporan itu sepatutnya tidak menjadi masalah. Jadi, di situ saya nampak masalah AI yang perlu TikTok jelaskan kepada kami dan kemudian jelas-

kan juga kepada syarikat media,” katanya.

Fahmi berkata, ketika ini TikTok memaklumkan mereka sudah meningkatkan penggunaan *AI-content moderation* yang ada kalanya menyebabkan salah faham berhubung kandungan dimuat naik di platform itu.

“Jadi, di situ saya nampak ada peluang untuk kita bincang dengan pihak TikTok beri kelengkapan atau pun mungkin beri

status berbeza untuk syarikat media kerana mereka membuat pelaporan dan kita pun ada garis panduan atau pun kod etika kita sendiri, jadi di situ TikTok perlu faham,” katanya.

Sementara itu, Nur-ul Afida berharap, MCMC dapat membantu mengembalikan akaun TikTok semua agensi terbabit memandangkan pelaporan dibuat berhubung isu berkenaan tidaklah sensitif. BERNAMA

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : SKMM DAPATKAN PENJELASAN

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 25 FEB 2025

M/SURAT : 16

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

## Kuala Lumpur

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sedang berhubung dengan TikTok bagi mendapatkan penjelasan mengenai isu 18 akaun TikTok organisasi media tempatan yang disekat baru-baru ini, kata Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil (*gambar*).

Beliau berkata menurut maklumat awal diterimanya daripada pihak TikTok, akaun-akaun berkenaan disekat kerana membuat laporan berkaitan kes cabul di sebuah masjid di Batang Kali baru-baru ini yang melibatkan seorang kanak-kanak perempuan.

"Masalahnya adalah kecerdasan buatan (AI) TikTok itu sendiri, di sini sedikit amaran, AI kadangkala dia boleh jauh tersasar, dia tak faham bahawa organisasi media pelaporannya berbeza daripada kandungan yang dihasilkan oleh orang biasa.

"Jadi saya telah minta supaya satu perbincangan diadakan dalam tempoh terdekat untuk memperhalusi fungsi akaun-akaun TikTok yang dimiliki oleh media supaya tak dikenakan tindakan sedemikian rupa di masa depan," katanya.

## ISU 18 AKAUN TIK TOK ORGANISASI MEDIA DISEKAT

# SKMM dapatkan penjelasan

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan kursus AI in the Newsroom anjuran Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama), kursus pertama dalam siri program latihan berkaitan AI untuk profesional media.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Bernama Datin Paduka Nur-ul Afida Kamaludin, Ketua Pengarang Bernama Arul Rajoo Durar Raj dan Ketua Pegawai Eksekutif

Huawei Malaysia Simon Sun.

Hadir sama Timbalan Ketua Pengarang Perkhidmatan Berita Ekonomi Azlina Aziz, Editor Eksekutif (menanggung tugas Timbalan Ketua Pengarang) Perkhidmatan

Berita Antarabangsa Mohd Shukri Ishak, Ketua Khidmat Penguurusan dan Kawangan Shari-fah Zaini Syed Zain dan Ketua Komersil Bernama Mastura Hassan.

Di-fa-



hamkan akaun TikTok bernamaofficial antara yang turut dikenakan sekatan tersebut.

Mengulas lanjut Fahmi berkata pelaporan berhubung kes cabul itu merupakan laporan biasa seperti yang dibuat lazimnya oleh organisasi media dan tidak seharusnya menjadi isu.

"Pelaporan itu sepatutnya tidak menjadi masalah. Jadi di situ saya nampak masalah AI yang perlu TikTok jelaskan kepada kami dan kemudian jelaskan juga kepada syarikat-syarikat media," katanya.

Fahmi berkata ketika ini TikTok memaklumkan bahawa mereka telah meningkatkan penggunaan AI-content moderation yang adakalanya menyebabkan salah faham berhubung kandungan yang dimuat naik di platform itu.

"Jadi di situ saya nampak ada peluang untuk kita bincang dengan pihak TikTok beri kelonggaran, atau pun mungkin beri status yang berbeza untuk syarikat-syarikat media kerana mereka membuat pelaporan dan kita pun ada garis panduan atau pun kod etika kita sendiri, jadi di situ TikTok perlu faham," katanya.


# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## PSD antara langkah lindungi OKU di stesen LRT, monorel

Mahaizura Abd Malik  
mahaizura@mediaprima.com.my



STESEN LRT Titivangsa. FOTO Fathil Asri

Kuala Lumpur: Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia (SBM) bersetuju langkah penyediaan pintu skrin platform (PSD) di stesen monorel dan Transit Aliran Ringan (LRT) bagi menjamin keselamatan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) itu.

Presiden SBM, Mohd Mustaza Mohd Zain berkata, langkah penyediaan pintu skrin terbabit wajar dilaksanakan bagi mengelak kemalangan seperti insiden membabitkan lelaki OKU penglihatan yang maut digilis tren LRT, Sabtu lalu.

Katanya, kemalangan seumpama itu bukan baharu, malah sehingga kini sekurang-kurangnya 20 kemalangan membabitkan OKU penglihatan jatuh ke landasan rel, sama ada di stesen Monorail, LRT mahupun Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB).

"Fasiliti mitigasi sedemikian hendaklah menjadi antara ciri inheren pada reka bentuk setiap stesen perkhidmatan rel seluruh Malaysia.

"Lebih daripada itu, jumlah pintu skrin platform juga hendaklah sejajar dengan jumlah pintu koc penumpang untuk melindungi keselamatan pengguna kurang upaya penglihatan," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, langkah mitigasi risiko keselamatan di stesen perkhidmatan rel juga tidak boleh bergantung kepada elemen teknologi semata-mata.

"Pihak Prasarana dan KTMB perlu juga memastikan petugas kawalan berada di platform untuk memantau serta membantu pengguna terutama kurang upaya penglihatan.

"Kekurangan petugas di lokasi strategik seperti di platform adalah antara faktor insiden kemalangan OKU di stesen perkhidmatan rel berterusan," katanya.

Katanya, SBM juga menyarankan kepada Kementerian Pengangkutan untuk bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan bagi melatih petugas perkhidmatan rel supaya mereka lebih cakna dan proaktif dalam berkomunikasi serta membantu pengguna kurang upaya.

"SBM bersedia untuk memberikan khidmat teknikal dalam menyediakan latihan itu.

"SBM juga menyambut baik langkah yang diambil Kementerian Pengangkutan bersama pihak Prasarana untuk melaksanakan siasatan terperinci berhubung insiden ini.

"Langkah seperti memasang Smart CCTV dan PSD yang diumumkan Menteri Pengangkutan menerusi Facebook juga adalah langkah mustahak," katanya.

Sementara itu, Mohd Mustaza berkata, SBM menzahirkan takziah atas pemergian mangsa kemalangan Sabtu lalu selain turut memberikan sokongan moral kepada keluarga mangsa.

Sabtu lalu, mangsa yang juga warga emas maut selepas dipercayai dilanggar tren, sebelum mayatnya ditemui di bawah rel kereta api di Stesen LRT Star Titivangsa.

Mangsa dipercayai terjatuh sebelum dilanggar tren itu.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Lelaki OKU maut jatuh rel: Bukan disebabkan kegagalan sistem

Oleh ASLIZA MUSA 24 Februari 2025, 3:50 pm



Anthony Loke (kanan) melakukan simbolik gimik perasmian merasmikan Pelancaran BAS.MY di Dewan Bandaraya Ipoh hari ini. - Foto oleh MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA/KOSMO!

IPOH – Insiden seorang lelaki orang kurang upaya (OKU) penglihatan maut selepas terjatuh dan dilanggar tren di Stesen Transit Aliran Ringan (LRT) Titiwangsa, Kuala Lumpur Sabtu lalu, bukan disebabkan oleh kegagalan Sistem Keselamatan Hentian Kecemasan Pencerobohan Penumpang (PIES).

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook berkata, meskipun siasatan kes tersebut masih dijalankan, pihaknya yakin kejadian itu bukan berpunca daripada kegagalan sistem di stesen berkenaan.

“Saya tidak fikir begitu (kegagalan sistem). Kalau ada apa-apa objek jatuh di landasan, biasanya sistem akan automatik ‘shut down’. Kebetulan semasa mangsa terjatuh, tren pun sampai jadi tidak sempat untuk sistem berhenti.

“Bagaimanapun, saya tidak mahu merumuskan apa punca kejadian tersebut berlaku sehingga siasatan selesai, tapi sudah tentu bukannya disebabkan sistem gagal,” katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran Transformasi Bas Berhenti-Henti (SBST) BAS.MY Ipoh di Dewan Bandaraya Ipoh, di sini hari ini.

Menurut Anthony, susulan kejadian tersebut, pihaknya akan menambah baik infrastruktur di semua stesen LRT agar insiden seumpama itu tidak berulang pada masa hadapan.

Sementara itu, dalam perkembangan yang berbeza, beliau mengalakkan syarikat bas memohon permit tambahan bagi perkhidmatan bas ekspres sempena perayaan Hari Raya Aidilfitri pada hujung bulan depan.

Anthony berkata, permohonan permit tambahan itu bagi memastikan perkhidmatan bas mencukupi dan dapat menampung peningkatan penumpang yang pulang ke kampung halaman pada musim perayaan.

Katanya, pada masa sama, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) termasuk Perkhidmatan Elektrik Train Service (ETS) akan menambah tiket bagi menampung permintaan ramai.

“Semua syarikat-syarikat bas digalakkan untuk memohon permit tambahan atau lesen permit sementara dan kita memang akan memberikan kelulusan untuk perjalanan tambahan.

“Begitu juga dengan KTMB dan ETS, mereka juga akan menambah perjalanan,” katanya.- KOSMO! ONLINE